



Perutusan Tahun Baharu
2014
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Perutusan Tahun Baharu

2014


Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Dewan Agung Tuanku Canselor

| 19 Februari 2014

Kandungan

Tirai Bicara	4
UiTM Memacu Minda Bangsa	7
UiTM-MASMED Menjejaki Sunnah	15
UiTM Pemangkin Jati Diri Bangsa	16
UiTM Membentuk Bangsa Inovatif	18
UiTM Di Hati Komuniti	23
Yang Terpilih Itulah Terbaik	24
UiTM Terus Memacu Menjana Amanah	25
UiTM Melestari Rangkaian Ilmu	25
Pengukuhan Ummah	26
Integriti Pencetus Transformasi UiTM	28
Penutup	30



Doa Sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor 2014

Ya Allah, Kami merafa'kan kesyukuran kehadrat-Mu kerana dengan izin dan limpah kurnia-Mu juga, kami dapat berhimpun, dalam **Majlis Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor dan Perasmian Konferensi Akademik 2014**, pada pagi yang permai ini.

Ya Allah, kami hamba-hamba-Mu yang kerdil, menadah tangan ke hadrat-Mu, memohon rahmat dan keampunan-Mu dari segala dosa dan kesalahan, memohon hidayah dan petunjuk-Mu dari kesesatan dan kejahilan, memohon ihsan dan kasih sayang-Mu agar diperkayakan diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan akhlak yang mulia.

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami keimanan yang mantap dan berkekalan, kesihatan tubuh badan yang berpanjangan, kewarasan akal fikiran yang berterusan, serta semangat juang yang tinggi dan berwawasan.

Ya Allah, jadikanlah barisan pengurusan kanan universiti, para akademia, para pentadbir dan semua staf, supaya sentiasa bekerja keras, mengutamakan budaya kerja berkualiti, berintegriti, dan inovatif, dengan menghayati prinsip Budaya Kerja PERDANA untuk merealisasikan agenda transformasi universiti tercinta ini, demi untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Ya Allah, Engkau gemblengkanlah tenaga seluruh warga universiti, di bawah kepimpinan Naib Canselor, **Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar**, agar mereka dapat bekerja sebagai satu pasukan, bagi meneruskan perjuangan **Mengubah dan Mencorak Destini Anak Bangsa** serta memartabatkan UiTM di persada antarabangsa, dalam merealisasikan aspirasi, menjadikan UiTM universiti tersohor bertaraf dunia.

Ya Allah, kami mohon petunjuk dan inayah-Mu agar majlis ini dapat berjalan dengan jayanya.

Bismillahirahmanirrahim
Assalamualaikum
warahmatullahi
wabarakatuh, Salam
Sejahtera,
UiTM Sentiasa di Hatiku

Pengurusan Kanan
Universiti, profesor-
profesor, para pensyarah,
para pentadbir dan
seluruh warga kerja UiTM

Tidak lupa,siswa-siswi
yang saya kasihi sekalian

Tuan-tuan dan puan-
puan, kita bertuah
pagi ini, kerana turut
sama hadir di sini ialah
Pengerusi Lembaga
Pengarah Universiti,
Yang Berbahagia Tan Sri
Wan Zahid Wan Noordin,
yang sentiasa memberi
sokongan kepada
pengurusan UiTM.

Terima kasih, Tan Sri,
kerana sudi terima
jemputan untuk hadir
pada pagi ini.

Tirai Bicara

Sebelum tirai bicara terus disingkap, izinkan
saya berkongsi lafadz kesyukuran ke hadrat Allah
SWT,melalui bait-bait puisi ini.

"Pada setiap nafas, pada sedenyut nadiku
Hadir barakah milik Tuhan Yang Satu
Pada setiap ruang dan langkah seribu
Kau limpahi rahmat sepenjuru hidupku

Pada-Mu Ya Allah, kupanjat kesyukuran
Atas nikmat usia, kurnia dan ehsan
Untukku lestari satu perjuangan
Melakar gemilang,jendela hidup anak watan

Semoga amanah yang kini kugalas
Diterjemah dengan hati yang ikhlas
Agar anak bangsa bangun bingkas
Mendakap ilmu, menjadikan bumi yang luas."

Kepada warga yang dihormati

Saya ucapkan setulus hati
Terima kasih hadirkan diri
Mohon sejenak tumpuan diberi
Amanat dihayati, harapan dikongsi

Kepada warga, di mana pun bertugas
Selamat Tahun Baharu 2014
Semoga sentiasa sihat dan cergas
Teruskan khidmat, telus dan tuntas



"Pada setiap nafas, pada sedenyut nadiku
Hadir barakah milik Tuhan Yang Satu
Pada setiap ruang dan langkah seribu
Kau limpahi rahmat sepenjuru hidupku

"Pada Mu Ya Allah, ku pangat kesyukuran
Atas nikmat usia, kurnia dan ehsan
Untukku lestar satu perjuangan
Melakar gemilang jendela hidup anak watan

Semoga amanah yang kini kugatas
Dilepas dengan hati yang teliti
Agar anak bangsa bangun bingkas
Menakar ilmu, mengayu dunia yang luas"

Pada Mu Ya Allah, ku panjat kesyukuran
Atas nikmat usia, kurnia dan ehsan
Untukku lestar satu perjuangan
Melakar gemilang,jendela hidup anak watan

Semoga amanah yang kini kugatas
Diterjemah dengan hati yang ikhlas
Agar anak bangsa bangun bingkas
Mendakap ilmu, menjelaki bumi yang luas."



Hadirin yang dihormati sekalian

Setiap awal tahun, sejak tahun 2004, kepimpinan serta warga IPT berpeluang mendengar Amanat Tahun Baharu Menteri Pengajian Tinggi – untuk dihayati, lantaran diterjemah, demi memperkasa sistem pendidikan negara, di peringkat pengajian tinggi; seterusnya, mendukung aspirasi kepimpinan negara, untuk menghasilkan modal insan yang berdaya saing dan berdaya maju, hingga ke peringkat global.

Pada tahun ini, untuk pertama kalinya, kita telah mendengar Amanat Tahun Baharu daripada Menteri yang baru (namun, seorang tokoh lama), dilantik untuk menerajui Kementerian yang baharu dijenama semula setelah digabungkan portfolio pengajian tinggi dan portfolio pelajaran, pada pertengahan tahun lalu.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan juga Menteri Pendidikan kita, kerana sentiasa memberi sokongan kepada perjuangan UiTM, sejak beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan Malaysia, pada pertengahan tahun 2013. Beliau sangat memahami dan prihatin terhadap peranan UiTM dalam pembangunan negara, sama juga seperti Menteri Pendidikan sebelum ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Menteri Pendidikan II, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, yang sentiasa mendukung falsafah di sebalik penubuhan UiTM sebagai pelantar utama, demi menjamin pelestarian pendidikan anak bangsa.

Seterusnya, ucapan terima kasih, saya tujukan kepada Datuk Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha, dan Dato' Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, yang telah membuka ruang untuk UiTM meneruskan hubungan baik dengan kementerian, sebagai pemudah cara dalam hal ehwal tadbir urus dan pembangunan universiti.

Hadirin yang dihormati sekalian

Secara peribadi, kedatangan tahun 2014 memberi pengertian yang mendalam bagi saya. Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana memberi peluang kepada saya untuk meneruskan usaha memperkasa anak bangsa. Alhamdulillah.

Sesungguhnya, tidak mungkin saya berupaya untuk menggalas amanah yang besar ini, andai kata tuan-tuan dan puan-puan tidak memainkan peranan masing-masing untuk mengerakkan seluruh jentera universiti ke arah mercu kejayaan.

Kepada semua, saudara-saudari semoga Allah terus berkat segala bantuan, jasa dan bakti demi membangun ummah sejati

Hadirin yang dihormati sekalian

Tahun 2013 membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM, kerana kita telah berjaya meraih pelbagai pencapaian, di pelbagai peringkat, dalam pelbagai bidang, baik akademik maupun bukan akademik, sama ada di dalam negara ataupun di persada dunia.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada:

- Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Rektor Kampus Negeri dan Cawangan
- Ketua Pustakawan
- Kesemua Penolong Naib Canselor
- Dekan-dekan serta Ketua-ketua Jabatan
- Profesor dan Pensyarah
- Pentadbir dan Staf Sokongan

Kepada warga akademik: Saya menghargai kewibawaan serta komitmen tuan-tuan dan puan-puan, dalam memastikan agenda mengilmukan anak bangsa terus terlaksana.

Kepada para pentadbir serta warga dalam kumpulan sokongan di pelbagai unit dan bahagian: Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan atas segala sokongan, dan kerjasama dalam menterjemah aspirasi UiTM sebagai sebuah universiti yang mencorak destinasi anak bangsa. Jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan semua kerana memastikan nasib anak bangsa kita terus diperjuangkan.

Kepada para pelajar yang saya kasihi, terima kasih kerana telah mengharumkan nama UiTM melalui pelbagai penglibatan dan kejayaan di pelbagai peringkat.

Hadirin yang dihormati sekalian

1. UiTM Memacu Minda Bangsa

Tahun ini saya berhasrat untuk terus mengangkat agenda akademik UiTM ke tahap yang lebih tinggi, bagi memastikan kembara kita menuju status universiti tersohor, tidak menemui jalan buntu. Apakah lagi simpang siuranya banyak sekali, dan cabarannya juga pelbagai.

Namun, saya yakin kita mampu sampai ke penghujung kembara, jika kita cekal mengatur strategi dan mengorak langkah. Untuk itu, kita perlu melihat pada kekuatan yang ada pada UiTM termasuklah sumber tenaga universiti yang besar jumlahnya.

Potensi modal insan universiti perlu dioptimumkan, dengan melebar laluan warga akademik untuk lebih cemerlang dalam bidang masing-masing. Justeru, golongan akademia UiTM akan diberi peluang untuk memperkuuh kerjaya dan memantapkan kesarjanaan melalui tiga pengkhususan berbeza, iaitu:

- Pengajaran dan Pembelajaran
- Penyelidikan dan Inovasi; dan
- Penglibatan dalam badan profesional





Shell Eco - Challenge

.....
kenal pasti
kekuatan
sesebuah
fakulti dan
kecenderungan
akademik
tenaga
pengajarnya
.....,,



Walaupun penyelidikan dan pembangunan sering diberi keutamaan untuk tujuan kenaikan pangkat di peringkat pengajian tinggi, namun saya ambil maklum bahawa terdapat golongan akademia yang lebih hebat sebagai pendidik berbanding penyelidik. Ada juga yang berjaya memupuk jaringan mantap dengan badan-badan profesional, walaupun kurang terlibat dalam kegiatan akademik yang lain.

Bahagian Hal Ehwal Akademik perlu mengenal pasti kekuatan sesebuah fakulti dan kecenderungan akademik tenaga pengajarinya, untuk dikategorikan mengikut salah satu daripada tiga pengkhususan, iaitu, Pengajaran dan Pembelajaran, Pendidikan dan Inovasi, dan Penglibatan dalam Badan Profesional.

Dengan cara ini, lebih ramai warga akademik akan dapat menaikkan imej dan mengharumkan nama UiTM. Pengiktirafan yang diberikan tidak terhad pada pencapaian dalam penyelidikan semata-mata.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, kaedah *blended learning* perlu dipertingkatkan kepada 50 peratus daripada keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, mulai tahun ini, fakulti-fakulti yang menawarkan program profesional, termasuk Fakulti Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrikal, Kejuruteraan Kimia, dan lain-lain, perlu mengatur strategi untuk menambah enrolmen pelajar.

Sebagai permulaan, saya mahukan Fakulti Perakaunan menambah pengambilan pelajar bagi program ACCA kepada 2,000 pelajar, dalam masa terdekat ini.

Pada masa sama, HEA perlu mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk menambah peratusan pensyarah yang berkelulusan profesional dalam bidang masing-masing. Lebih ramai pensyarah yang mempunyai kelulusan profesional, lebih menyerlahlah imej UiTM sebagai sebuah universiti komprehensif.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada fakulti-fakulti yang telah berjaya memperolehi akreditasi daripada badan-badan profesional tempatan dan luar negara, untuk pelbagai program yang ditawarkan. Malahan, pencapaian fakulti-fakulti ini melangkaui tahap pencapaian IPTA-IPTA lain dari segi tempoh akreditasi yang diperolehi untuk program profesional yang ditawarkan.


Sukacita saya maklumkan di sini bahawa UiTM mendahului IPTA-IPTA lain apabila diberi tempoh akreditasi selama lima tahun bermula pada tahun 2013, bagi program-program profesional di Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Pergigian. Pada masa yang sama, Iapan IPTA lain diberi tempoh akreditasi selama dua atau tiga tahun, bagi keempat-empat bidang pengajian.

Selain itu, Fakulti Perubatan UiTM juga telah berjaya memperolehi akreditasi bagi tempoh lima tahun, seiring dengan lima IPTA lain. Manakala, Fakulti Farmasi berkongsi tempat teratas dengan dua IPTA lain apabila diberi tempoh akreditasi selama lima tahun.

Saya yakin fakulti-fakulti lain mampu menandingi kesemua fakulti yang saya sebutkan sebentar tadi dalam mencapai kedudukan teratas perolehan tempoh akreditasi bagi program-program profesional yang ditawarkan.


Oleh itu, saya mahukan semua fakulti menggerakkan jentera masing-masing untuk mempertingkatkan jumlah program akademik yang diberikan akreditasi oleh badan-badan profesional yang berkenaan.

ACREDITATION DURATION FOR PROFESSIONAL PROGRAM
as @ 2013



Source : Website of the related professional body

NO OF PROGRAM ACCREDITED BY ROYAL INS OF CHARTERED SURVEYORS UP TO 2013



Hadirin yang dihormati sekalian

Dalam amanat saya sebelum ini, saya ada menyarankan supaya program-program akademik yang tidak popular, dikaji semula untuk digabungkan atau dimansuhkan. Semakan semula kurikulum mestilah dijalankan secara berterusan dengan menggunakan kaedah terkini sama ada kurikulum bersepada, *multidisciplinary, interdisciplinary* atau *transdisciplinary*.

Di Universiti Stuttgart, umpamanya, di mana saya dilantik sebagai Profesor Pelawat sejak lebih 14 tahun lalu, 30 peratus daripada bahan pengajaran harus diperbaharui setiap tahun.

Di UiTM, banyak yang boleh kita capai sekiranya setiap fakulti mengambil pendekatan yang sama, dan memanfaatkan kelonggaran yang diberikan oleh MQA bagi membolehkan universiti menyemak semula 30 peratus daripada kurikulum sedia ada. Saya percaya penambahbaikan ini dapat menjamin kebolehpasaran graduan UiTM.

Untuk lebih berkesan, saya mahukan supaya pembangunan dan semakan kurikulum diterajui oleh profesor serta pensyarah kanan, dan tidak membiarkan pensyarah muda menguruskan semua tanpa bimbingan.

Selain itu, perlu juga dibangunkan pakej-pakej minor antara fakulti supaya graduan kita lebih bersifat *interdisciplinary* dan *multidisciplinary*. Usaha-usaha perlu digembleng bagi memperbanyak lagi program usahasama dengan IPT termasyur luar negara, contohnya penawaran ijazah berkembar di peringkat pascasiswa.

Dalam program sebegini, para graduan akan dianugerahkan dua ijazah, iaitu daripada UiTM dan juga IPT luar negara yang berkenaan.

perlu dibangunkan pakej-pakej minor antara fakulti supaya graduan lebih bersifat *interdisciplinary* dan *multidisciplinary*.


Pengiktirafan Dan Akreditasi Daripada MQA Dan Badan-badan Profesional Antarabangsa

BIL.	BADAN PROFESIONAL ANTARABANGSA
1.	ASSOCIATION OF CERTIFIED CHARTERED ACCOUNTANTS (ACCA, UK)
2.	CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANT, AUSTRALIA
3.	CHARTERED INSTITUTE OF ENVIRONMENTAL HEALTH
4.	CHARTERED INSTITUTE OF LOGISTICS & TRANSPORT (CILT, UK)
5.	CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA, UK)
6.	CHARTERED INSTITUTE OF MARKETING (CIM, UK)
7.	CHARTERED INSTITUTE OF TRANSPORT LONDON, UK
8.	CHARTERED INSURANCE INSTITUTE (CII, UK)
9.	INSTITUTE OF CHARTERED SECRETARIES AND ADMINISTRATORS (ICSA, UK)
10.	INSTITUTION OF CHEMICAL ENGINEERS, IChemE UK
11.	INSTITUTION OF CIVIL ENGINEERS (ICE), LONDON, UK
12.	INSTITUTION OF ENGINEERING TECHNOLOGIES, UK
13.	INSTITUTION OF MECHANICAL ENGINEERS, IMechE UK
14.	INTERNATIONAL FEDERATION OF INTERIOR ARCHITECTS DENMARK
15.	INTERNATIONAL FEDERATION OF PARKS AND RECREATION
16.	ORGANIZATIONAL SYSTEMS RESEARCH ASSOCIATION (OSRA, USA)
17.	ROYAL INSTITUTE OF BRITISH ARCHITECTS
18.	ROYAL INSTITUTE OF CHARTERED SURVEYORS (RICS)
19.	TEXTILE INSTITUTE, UK
20.	THE CHARTERED INSTITUTE OF BUILDING
21.	THE CHARTERED INSTITUTE OF ENGLEMERE
22.	THE COLLEGE OF RADIOPHARMERS
23.	THE INSTITUTION OF ENGINEERING AND TECHNOLOGY
24.	WORLD FEDERATION OF OCCUPATIONAL THERAPISTS

Pengiktirafan Dan Akreditasi Daripada MQA Dan Badan-badan Profesional Tempatan

BIL.	BADAN PROFESIONAL TEMPATAN
1.	BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA
2.	INSTITUTE OF LANDSCAPE ARCHITECTURE MALAYSIA
3.	LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
4.	LEMBAGA FARMAZI MALAYSIA
5.	LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA
6.	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
7.	LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
8.	LEMBAGA KELAYAKAN , MAHKAMAH TINGGI MALAYA
9.	MALIS PERUBATAN MALAYSIA
10.	MALAYSIAN ASSOCIATION OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS (MACPA)
11.	MALAYSIAN INSTITUTE OF FOOD TECHNOLOGIST (MIFT)
12.	MALAYSIAN OCCUPATIONAL THERAPY ASSOCIATION
13.	MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY
14.	PERTUBUHAN PERANCANG MALAYSIA
15.	THE MALAYSIAN ASSOCIATION OF THE INSTITUTE OF CHARTERED SECRETARIES AND ADMINISTRATORS

Sektor Pekerjaan Graduan UiTM



Entrepreneurial University of the Year 2012



Hadirin yang dihormati sekalian

2. UiTM-MASMED Menjejaki Sunnah

Nabi Junjungan kita pernah bersabda yang maksudnya: "Sembilan daripada sepuluh rezeki itu datangnya dari perniagaan."

Di UiTM, kita telah memberi penekanan kepada keusahawanan sejak awal lagi. Alhamdulillah, kini satu lagi kejayaan yang cukup membanggakan telah dicapai apabila UiTM dinobatkan sebagai **The Entrepreneurial University of the Year** dua tahun berturut-turut pada tahun 2013 dan tahun 2012, apabila anugerah itu diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu.

Malah, prestasi UiTM meningkat apabila anugerah yang dimenangi bertambah tahun lalu berbanding tahun sebelumnya. Oleh itu, sewajarnya saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang ke arah kemenangan UiTM, baik di peringkat kampus negeri maupun di peringkat fakulti.

Terima kasih saya ucapan kepada Profesor Razmi Chik dan warga MASMED, atas komitmen dan usaha gigih untuk memastikan anugerah tersebut tetap menjadi milik kita. Dan tahniah saya ucapan kepada MASMED kerana telah membangunkan dua program akademik, iaitu: Master of Applied Entrepreneurship, dan Minor in Entrepreneurship.

Tahun ini, saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada MASMED, Rektor-Rektor Kampus dan Dekan-Dekan Fakulti

untuk meneruskan legasi cemerlang UiTM, sebagai pelopor bidang keusahawanan di peringkat IPT di negara ini.

Oleh itu, saya menyeru kepada warga serta pelajar untuk memanfaatkan kemudahan yang ada di UiTM, dan bergiat aktif dalam penyelidikan dan inovasi, sekali gus membantu universiti mempertahankan kedudukan teratas dalam bidang keusahawanan. Bahkan, tidak mustahil untuk kita menembusi arena global dan mengantara bangsawan jenama UiTM.

Dalam hal ini, kita bertuah kerana Kerajaan, melalui MTDC, telah memulakan operasi di bangunan inkubator yang dibinanya di kampus Shah Alam. Malahan, peruntukan sebanyak RM1.5 juta telah disediakan oleh MTDC, bagi membiayai program simbiosis di UiTM.

Projek ini, yang akan dikendalikan oleh RIBU, dengan kerjasama MASMED, bertujuan melahirkan graduan bumiputera yang mampu mengkomersialkan hasil penyelidikan di UiTM.

JENIS HARTA INTELEK	STATUS HARTA INTELEK			JUMLAH
	DALAM PROSES PERMOHONAN	DIFAILKAN	DILULUSKAN	
COPYRIGHT	129	12	0	141
INDUSTRIAL DESIGN	4	4	2	10
PATENT	99	148	32	279
TRADEMARK	25	15	0	40
UTILITY INNOVATION	8	21	0	29
JUMLAH	265	200	34	499

Sehubungan dengan itu, UiTM merancang untuk menubuhkan Akademi Inovasi pada tahun ini, insya Allah. Sebagai persiapan, kita juga telah mendapatkan pembiayaan daripada Kementerian Pendidikan, untuk menghantar sekumpulan pensyarah kanan berkursus di Trinity College, Ireland, dalam bulan Mac tahun ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. UiTM Pemangkin Jati Diri Bangsa

Sebelum meneruskan ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai, petugas serta pelajar yang telah mengharumkan nama UiTM, setelah menjuarai SUKIPT 2014.

Pencapaian cemerlang ini membuktikan betapa mahasiswa merupakan aset penting bagi UiTM. Bahkan, golongan ini juga aset utama masa depan negara; yang bakal memainkan peranan sebagai pemangkin jati diri bangsa, demi membentuk generasi hebat lagi berilmu.

Atas keinsafan inilah, maka UiTM komited untuk memberi sepenuh tumpuan bagi melahirkan pelajar cemerlang dan graduan terbilang; yang seimbang dari segi ilmiah, rohaniah, dan kematangan mental.

Dalam konteks desa buana abad ke-21, tanggungjawab UiTM sebagai agen rekayasa sosial, ialah untuk melengkapkan anak bangsa dengan kemahiran insaniah dan jati diri, agar sentiasa insaf bahawa "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung".

Alhamdulillah, Bahagian Hal Ehwal Pelajar jelas tidak tersasar dalam menterjemah aspirasi universiti untuk melahirkan peribadi unggul, yang berinovatif, profesional, berdaya saing dan berdaya maju, tanpa membelakangkan tuntutan agama dan adat budaya.

Namun, sudah tiba masanya HEP berganding bahu dengan pihak fakulti untuk mewujudkan kesefahaman antara pelajar dan pensyarah, dengan melebarkan perkongsian ilmu, melangkaui ruang lingkup kuliah dan taksiran.

Oleh itu, HEP perlu mengenal pasti mekanisme yang membolehkan pensyarah mengendalikan satu projek

kemasyarakatan bersama sekumpulan pelajar, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial. Saya yakin jika inisiatif ini dilaksanakan dengan serius dan istiqamah, insya Allah, UiTM mampu merakyatkan warganya dan melestari nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak didiknya.

HEP juga perlu memberi lebih ruang kepada MPP UiTM untuk menyertai kursus kepimpinan dan pentadbiran yang dijalankan, untuk memberi pendedahan kepada mereka dalam hal berkaitan dengan pengurusan, pentadbiran, dan kepimpinan organisasi. Ini sekaligus dapat meningkatkan kredibiliti MPP sebagai pemimpin mahasiswa contoh.

Selain itu, program dan aktiviti berkonsepkan Islam dan kerohanian juga perlu diperbanyak pada tahun ini, sebagai satu mekanisme pembangunan ummah dalam memupuk dan menyuburkan naluri insaniah mahasiswa UiTM seluruhnya. Program-program sebegini boleh dijalankan dengan kerjasama ACIS, para pelajar Dan juga warga kerja UiTM.

Senarai program megikut kategori anjuran
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

BIL	KATEGORI	JUMLAH AKTIVITI
1	Akademik dan Ilmiah	200
2	Khidmat Masyarakat dan Sosial	550
3	Kreatif dan Inovasi	35
4	Sukan dan Rekreasi	450
5	Kerohanian	36
6	Kebudayaan dan Warisan	95
7	Keusahawanan	15
TOTAL		1381

Tuan-tuan dan puan-puan, marilah kita sama-sama melestari kecemerlangan pembangunan pelajar, baik dalam hal akademik, personaliti, kerjaya, maupun modal insan, demi melahirkan mahasiswa berkualiti tinggi.



SUKIPT 2014


Hadirin yang dihormati sekalian

4. UiTM Membentuk Bangsa Inovatif

UiTM bukan sahaja berjaya menghasilkan graduan yang ramai dan berkualiti tinggi, malahan pencapaian kita seiring dengan pencapaian RU di Malaysia dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

Kualiti graduan kita terbukti jika dilihat pada kebolehpasaran mereka. Pada tahun 2012, umpamanya, sebanyak 80 peratus atau 29,595 graduan, diterima bekerja selepas enam bulan menamatkan pengajian. Jumlah ini memperlihatkan kualiti graduan UiTM yang sangat membanggakan.

Bilangan Graduan Ijazah Sarjana Muda Dan Diploma, 2012
(Bekerja Dan Melanjutkan Pengajian 6 Bulan
Selepas Tamat Pengajian)



Tahun ini, UiTM perlu melipatgandakan usaha supaya terus berada setaraf dengan RU dalam semua bidang. Untuk menyemarakkan budaya penyelidikan, struktur RMI telah dimantapkan, dan CORE ditubuhkan, bagi memantau kegiatan penyelidikan di peringkat fakulti dan kampus negeri. Selaras dengan ini juga, komponen penyelidikan di portfolio Timbalan Dekan/Rektor PJI akan diletakkan di bawah CORE.

Dalam hal ini, saya yakin, RMI akan dapat memanfaatkan peruntukan sejumlah RM400 juta dana daripada KPM untuk FRGS, ERGS, LRGS, PRGS dan GSP.

Saya juga berharap para penyelidik UiTM dapat merakyatkan fokus penyelidikan masing-masing, dengan mengambil kira keperluan masyarakat setempat dan tanggungjawab sosial, sebagai golongan bijak pandai.

Lakukan yang terbaik demi masyarakat. Jadilah penyelidik yang berinovatif dengan menghasilkan produk yang mempunyai nilai komersial.


Di samping itu, buktikanlah kepada semua, sesungguhnya UiTM mampu menambah bilangan HiCoE, bagi menterjemah kenyataan Menteri Pendidikan baru-baru ini bahawa KPM akan mensasarkan penambahan 20 HiCoE menjelang tahun 2020. Saya harap akan ada pusat kecemerlangan lain yang mengikuti jejak ARI – satu-satunya HiCoE di UiTM setakat ini.

80 peratus atau 29,595 graduan, diterima bekerja selepas enam bulan menamatkan pengajian.


RESEARCH GRANT QUANTITY 2006 - 2012




FRGS SECURED BY UiTM VS OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS 2010 - 2012



ERGS SECURED BY UiTM VS OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS 2011 - 2012



LRGS SECURED BY UiTM VS OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS 2011 - 2012




Hadirin yang dihormati sekalian

5. UiTM Di Hati Komuniti

Sebagai penggerak dan pemangkin yang menyumbang kepada peningkatan jaringan antara universiti, masyarakat dan industri, Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni atau ICAN, telah menggalas tanggungjawabnya dengan baik. Tahniah...!

PENCAPAIAN KTP TERKUMPUL 2012-2013



Melalui *Program Knowledge Transfer Partnership* (KTP), UiTM telah berjaya memperolehi geran KTP terkumpul sebanyak lebih kurang RM 2 juta bagi tempoh 2011 hingga 2013. Ini terhasil daripada usaha sama dengan 12 buah industri dan empat komuniti.

ICAN juga telah menggerakkan *High End Industry Graduate Internship Programme* (HEIGIP), untuk melahirkan sumber tenaga kerja berkualiti, yang mampu menjana ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta lestari.


Saya berharap ICAN akan terus komited untuk memangkin pertumbuhan dengan industri, melalui pelaksanaan program-program yang melibatkan alumni, khususnya program-program berimpak tinggi, sebagai salah satu penjana sumber tabung kewangan universiti.

Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya pejabat alumni UiTM dibina di lokasi strategik, bagi memudahkan pelaksanaan program kerjasama antara universiti dan industri. Teruskan usaha meraih sokongan dan penglibatan alumni dari segi masa, tenaga, ilmu, kemahiran serta kepakaran.

Kami di pihak universiti sangat mengalu-alukan khidmat bakti para alumni di luar sana, untuk membantu universiti. Ini secara tidak langsung dapat menyuburkan rasa sayang yang tinggi di sudut sanubari, menjadikan UiTM sentiasa di hati.

Dalam pada itu, UiTM akan memperkenalkan Anugerah Destini Anak Bangsa (ADAB) tahun ini, bagi memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar miskin yang cemerlang dalam akademik. Inisiatif ini adalah sebagai kesinambungan usaha UiTM melebar laluan kepada golongan miskin dalam kalangan pelajar kita.

KEMASUKAN PELAJAR MDAB KE DIPLOMA





Hadirin yang dihormati sekalian

6. Yang Terpilih Itulah Terbaik

Kita semua boleh berbangga kerana selama lebih 60 tahun, warga UiTM telah berjaya meneruskan legasi sebagai gedung ilmu yang berperanan memperkasa ekonomi kaum bumiputera.

Amanah yang digalas ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa kesungguhan dan komitmen daripada warga kerja, baik dari kalangan pensyarah mahupun pentadbir, serta kakitangan sokongan yang lain.

UiTM memerlukan barisan kepimpinan di pelbagai peringkat yang berupaya mengangkat prestasi UiTM ke tahap yang lebih tinggi, dan memainkan peranan dengan lebih berkesan, demi mengubah landskap sosio-ekonomi masyarakat bumiputera kepada yang lebih baik.

Kita juga amat memerlukan barisan pelapis untuk mengambil alih teraju universiti di masa hadapan. Dengan ini, saya menyarankan supaya PTJ-PTJ yang berkenaan mempertingkatkan usaha untuk mengenal pasti calon-calon yang layak dipilih sebagai pemimpin pelapis universiti sama ada sebagai pentadbir akademik ataupun pentadbir profesional.

Saya ambil maklum tentang kesukaran yang dihadapi apabila mengisi borang permohonan untuk kenaikan pangkat. Maka saya sarankan agar pihak perjawatan memperkenalkan format borang yang mudah dan ringkas.

Dalam pada itu, saya ingin nyatakan di sini bahawa saya ambil maklum akan sumbangan dan jasa staf pentadbiran dalam membangun UiTM. Oleh itu, saya bercadang untuk memberi lebih peluang kepada staf pentadbiran dan sokongan untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

7. UiTM Terus Memacu Menjana Amanah

Semua ambil maklum bahawa kita dituntut untuk lebih berjimat dan berbelanja secara berhemat selaras dengan langkah penjimatan yang diumumkan oleh pihak kerajaan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Pejabat Bendahari serta seluruh warga yang berada di bawah bendahari, kerana telah memperkenalkan prestasi kerja yang cemerlang, tahun demi tahun.


Dalam pada itu, saya ingin mengingatkan semua warga di mana sahaja tuan-tuan dan puann-puan berada adalah penting bagi kita untuk sama-sama memupuk sikap jimat cermat, bukan sahaja dalam hal penggunaan alat-alat tulis dan pelbagai harta kerajaan, dalam menjalankan tugas, bahkan saya juga menyeru kepada seluruh warga UiTM agar berhemat dalam menggunakan tenaga elektrik. Sekiranya semua orang mengambil tanggungjawab untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik semasa bekerja, saya yakin universiti dapat mengurangkan jumlah bil elektrik yang perlu dibayar setiap tahun.

8. UiTM Melestari Rangkaian Ilmu

Pihak UiTM sentiasa berusaha memberikan kemudahan yang terbaik serta memastikan semua warga berada di dalam keadaan yang selesa. YAB Perdana Menteri telah melontarkan cabaran kepada kita semua untuk menjadikan jumlah pelajar UiTM seramai 250,000 orang.

Sasaran ini tidak mustahil untuk dicapai kerana enrolmen pelajar terkini hampir mencecah 182,000 orang. Walaupun jumlah kakitangan dan pelajar begitu ramai, pihak Universiti sentiasa menitikberatkan capaian dan aksesibiliti semua warga terhadap maklumat dan perkembangan terkini.

TREN PENGAMBILAN, ENROLMEN, LULUSAN 2007 - 2013



Adalah menjadi hasrat saya agar jumlah pelajar di kampus Shah Alam dihadkan sekitar 30,000 orang sahaja, manakala selebihnya akan ditempatkan di kampus-kampus negeri. Ini bertujuan untuk mendapatkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan lebih berkualiti.

Pembinaan kampus-kampus PFI adalah sebahagian daripada usaha universiti untuk memastikan ruang yang secukupnya dapat disediakan untuk para pelajar yang jumlahnya semakin meningkat. Pembinaan kampus-kampus PFI di bandar-bandar kecil juga membolehkan seramai mungkin masyarakat mendapat manfaat hasil perkembangan UiTM ini.

Bahkan, akses kepada ilmu secara formal adalah matlamat utama UiTM demi melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada universiti tercinta ini.

Dalam hal ini, pihak universiti sentiasa berusaha memberikan kemudahan yang terbaik kepada semua. Salah satu inisiatif penambahbaikan ialah usaha memantapkan kemudahan Wi-Fi, dengan capaian internet berkelajuan tinggi, di seluruh kampus.

Saya yakin pihak InfoTech, yang kini diterajui oleh seorang pengarah baharu, iaitu, Prof. Madya Mohd Zaki Abdullah, akan sentiasa berusaha bagi memastikan keperluan ini dipenuhi, demi kebaikan semua pihak.

Namun di sebalik segala kemudahan yang diberikan, saya ingin mengingatkan kepada semua agar tidak sesekali menyalahgunakan kemudahan yang disediakan.

Malah, pihak universiti telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk menyediakan keperluan ICT, dan juga akses kepada capaian maya melalui Perpustakaan Tun Abdul Razak, dan juga jabatan-jabatan lain.

Oleh itu, harapan saya semoga tuan-tuan dan puan-puan akan memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan, dan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati sekalian

9. Pengukuhan Ummah

Kita yakin rakyat, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera lainnya, sentiasa bersama-sama dengan UiTM, dalam menjayakan agenda besar pendidikan negara bagi menjana modal insan berkualiti yang akan menjadi pewaris kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan negara.

Kita percaya bahawa rakyat berada di belakang kita untuk sama-sama menyokong dan berganding bahu merealisasikan agenda kelangsungan bangsa yang amat penting ini.

UiTM, universiti keramat ini, akan tetap terus membela nasib bangsa agar bermaruah dan cemerlang. Keistimewaan yang kita nikmati selama ini tidak akan kekal, jika kita alpa dan lupa. Lebih membimbangkan sekiranya warga UiTM tersasar dari landasan dan matlamat asal penubuhan UiTM, seterusnya gagal dalam memastikan kelangsungan dan kelestarian universiti ini.

Mutakhir ini, semangat patriotisme dan juang dalam kalangan remaja dilihat semakin pudar, dan ini amat membimbangkan. Oleh itu, saya berharap agar anak-anak sekalian, para pelajar yang saya kasih, tidak terikut-ikut dengan perlakuan yang boleh merosakkan perpaduan kaum, dan menyalahi undang-undang negara.

Jadilah warga UiTM yang memegang prinsip UiTM Tetap di Hatiku. Saya masih lagi menyanjung dan tetap mengamalkan prinsip seorang ilmuwan yang telah berkongsi kata-kata nasihat beliau, iaitu:

“Jadilah bangsa yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur. Jadilah orang yang berjasa. Kalau tidak pun jadilah orang yang tahu membala jasa. Namun yang pentingnya jika kedua-duanya tidak mampu dilakukan, maka jadilah golongan ketiga iaitu – Orang yang tahu mengenang jasa.”

Inilah roh kesungguhan dan hasrat serta aspirasi kita sejak sekian lamanya.

”

Hadirin yang dihormati sekalian

Landskap sosio-politik negara kini telah berubah. Universiti yang hebat bukan lagi diukur daripada hasil inovasi atau penyelidikan yang hanya dicanangkan di konferensi-konferensi di dalam negara dan luar negara.

Sebaliknya, adalah menjadi harapan saya agar hasil penyelidikan universiti mampu diangkat untuk dikongsi bersama dengan pihak industri dan diterjemahkan menjadi produk-produk pengguna untuk disasarkan kepada pelbagai peringkat masyarakat. Dengan cara ini, golongan penyelidik UiTM akan mendapat tempat di hati masyarakat sebagai sumber ilmu yang boleh diaplikasikan secara berterusan oleh masyarakat umum, sekaligus merakyatkan UiTM dengan mengilmukan rakyat.

Kita sedia maklum, UiTM tegar dalam mendukung inisiatif transformasi pengajian tinggi negara demi kelestarian era mendatang. Justeru itu, kita perlu mewujudkan kerjasama dan memupuk semangat berganding bahu, melibatkan warga akademik dan para pentadbir di satu sisi, dengan pihak industri serta pelbagai kelompok masyarakat, di sisi yang lain. Dengan cara ini, transformasi pendidikan yang dilahirkan oleh Perdana Menteri, dapat diterjemahkan untuk dibudayakan dan dimanfaatkan oleh masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Hadirin yang dihormati sekalian

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berperanan memperkasa pendidikan Melayu dan bumiputera, UiTM telah membuktikan kemampuan untuk melahirkan graduan yang bermutu tinggi. Namun, warga kerja serta pelajar perlu sentiasa

ingat dan saling mengingati antara satu sama lain falsafah di sebalik penubuhan UiTM, agar tidak ada yang tersasar daripada agenda kelangsungan bangsa Melayu.

Proses menjawai sejarah, seperti jerih perih orang terdahulu membina negara dengan kekuatan pemikiran dan kepimpinan, tidak boleh dianggap ringan. Saya amat mengharapkan agar warga UiTM memberi penekanan kepada agenda berbentuk pemurnian jati diri dan sejarah bangsa, seperti pemahaman terhadap kontrak sosial dan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera.

Kepada warga UiTM sekalian, saya amat prihatin kepada kesejahteraan diri dan umat keseluruhannya. Kerana itu saya yakin kita perlu kepada konsep wasatiyyah. Umum sedia maklum bahawa konsep wasatiyyah ini menginginkan masyarakat berimbang atau sederhana, berteraskan Perlembagaan Persekutuan.

Hakikatnya, tuntutan wasatiyyah menuntut kita menjadi umat yang terbaik. Lantaran itu, UiTM, melalui Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), yang wujud sejak tahun 2010, berperanan dalam memastikan setiap unit dan individu diberi penekanan dan pemahaman terhadap perihal keistimewaan orang Melayu dan konsep wasatiyyah.

Adalah menjadi hasrat saya agar UiTM menghasilkan graduan kelas pertama. Ciri-ciri minda kelas pertama termasuklah semua yang merangkumi aspek pendidikan, pengetahuan, dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Pembangunan minda kelas pertama memerlukan persekitaran mesra ilmu, pro-intelektual dan berdasarkan pencapaian.

Inisiatif ini diharap dapat membuka mata dan minda agar lebih proaktif, dinamik dan berpengetahuan untuk melakukan pembaikan dan inovasi, di samping pemantapan atas akhlak dan keinsanan yang kukuh.

Saya ingin mengambil contoh negara yang asset materialnya rendah, seperti Korea Selatan dan Jepun dan Jerman. Mereka berjaya membuktikan bahawa pembangunan modal insan dapat membantu memajukan diri dan negara setanding negara maju lain.

Tidak dapat dinafikan, kejayaan yang dicapai ketiga-tiga negara itu sering dijadikan model oleh negara lain, termasuk negara pesaing, khususnya dalam menangani aspek nilai dan jati diri sebagai pemacu kepada pertumbuhan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian

10. Integriti Pencetus Transformasi UiTM

Universiti Teknologi MARA hendaklah membentuk dan membudayakan masyarakat agar berintegriti dan mempunyai keutuhan peribadi yang tinggi. Pembudayaan ini terutama penting bagi tuan-tuan dan puan-puan yang berada pada kedudukan sebagai pemimpin dan memegang jawatan pegawai. Sesungguhnya, dengan adanya integriti dan keutuhan peribadi, tuan-tuan dan puan-puan boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Saya menaruh harapan agar slogan Integriti merupakan Pencetus Transformasi UiTM ini akan dapat menyemarakkan lagi semangat seluruh warga UiTM untuk terus meningkatkan nilai integriti dan keutuhan peribadi agar agenda transformasi negara dan UiTM berjaya dicapai.

Sememangnya UiTM amat komited dengan pengukuhan integriti, dan ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Unit Integriti, yang diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM ke 137 pada 22 Oktober 2013, dan diletakkan di bawah pemantauan Naib Canselor. Bahkan penubuhan Unit Integriti UiTM, yang menggabungkan Bahagian Pengurusan Disiplin dan Unit Dasar & Governans Pejabat Pendaftar, adalah seiring dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2013, Kerajaan telah menyatakan penubuhan Unit Integriti sebagai “focal point” kepada pengurusan berkaitan integriti di semua agensi awam.

Di peringkat universiti, Unit Integriti UiTM mempunyai enam (6) fungsi teras, iaitu:

- Tadbir Urus
- Pengurusan Integriti
- Pengurusan Aduan
- Pematuhan
- Pengesahan dan Pengesanan, dan
- Tatatertib

Hadirin yang dihormati sekalian

UiTM telah sekian lama wujud dalam hati masyarakat sebagai agen memperkasa anak bangsa melalui pendidikan.

Kita telah meraih pelbagai pencapaian dalam pelbagai bidang. Namun, masih banyak lagi cabaran yang harus kita tempuh untuk mengekalkan prestasi kita. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh warga UiTM, marilah kita bersatu hati menggembangkan tenaga untuk mengangkat maruah dan imej universiti tercinta ini dan mengubah persepsi sesetengah pihak dalam masyarakat terhadap peranan kita dalam membangun bangsa dan negara.

Bangkitlah warga
UiTM, bangkit
untuk mengekalkan
persepsi positif
terhadap UiTM.





Hadirin yang dihormati sekalian

11. Penutup

UiTM berhadapan dengan pelbagai ranjau dan duri untuk meletakkan universiti ini pada tahap tersohor di dalam dan luar negara. Namun kita percaya usaha ini perlu mendapat kerjasama, penyertaan dan penglibatan semua pihak.

Harapan saya agar kita akan terus bergandingan, membimbing dan memberikan pendidikan setinggi mungkin, demi memartabatkan masa depan anak bangsa kita.

Sekadar berkongsi: Baru-baru ini, dalam perutusan Presiden Amerika Syarikat atau, State of the Union Address Presiden Barack Obama telah menyatakan bahawa usaha memartabatkan kelangsungan bangsa hanya akan berjaya dicapai melalui peningkatan kecemerlangan pendidikan. Beliau juga menegaskan bahawa pelaburan dalam bidang pendidikan juga merupakan usaha untuk merapatkan jurang ekonomi sesuatu bangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian

Ketahuilah bahawa apa yang diperkatakan oleh Presiden Obama pada tahun 2013, kita di UiTM telah lakukan sejak 60 tahun dahulu. Oleh itu, jangan sesiapa menidakkannya peranan UiTM dalam memperkasa ekonomi bangsa dan negara.

Sebenarnya kita berada di landasan benar dengan mengambil pendekatan yang betul. Apa yang perlu kita lakukan ialah memantapkan dan memastikan program-program pendidikan yang ditawarkan sesuai dengan keperluan semasa dan kehendak industri.

Saya begitu optimis bahawa UiTM akan terus cemerlang dan berupaya melakar nama di peta dunia. Namun, ini tidak bermakna matlamat asal kita untuk membela anak bangsa dikesampingkan.

Kita sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa UiTM adalah wadah pembelajaran dan pendidikan anak Melayu dan

bumiputera. Prinsip ini kita akan tetap pertahankan sampai bila-bila.

Saya juga ingin mengulangi bahawa kerajaan telah meletakkan aspirasi yang tertinggi dan terbaik untuk anak-anak kita. Anak-anak warisan bangsa ini berhak untuk menerima pendidikan terbaik dan kerajaan telah memaktubkan bahawa UiTM mempunyai keistimewaan tersendiri, gedung ilmu Melayu dan bumiputera.

Saya juga menyeru agar kita pandai membahagi masa di antara kerjaya dan keluarga. Perlu ada keseimbangan, kurangkan tekanan dan bebanan dengan bijak menyusun jadual kerja. Ingatlah bahawa minda yang sihat datang dari kesihatan yang baik.

Pengorbanan, penat lelah serta sumbangan yang tidak ternilai dalam menjayakan agenda kelangsungan bangsa ini merupakan amal jariah dan pelaburan yang sangat mulia. Insya Allah segala pengorbanan yang dicurahkan akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Sesungguhnya, transformasi pendidikan menuntut kepada kesabaran dan penglibatan daripada semua pihak. Walaupun tugas ini bukan mudah, namun saya percaya semangat dan roh mengubah destini anak bangsa yang melingkari darah dan nyawa kita, demi UiTM kita boleh melakukannya.

Tuan-tuan dan puan-puan, hayatilah bayangan pantun lama ini:

**”Buai Laju-laju,
Sampai Pokok Sena,
Bangsa Boleh Maju,
Hingga Teraju Dunia”.**

Hadirin yang dihormati sekalian

Di penghujung amanat ini, kepada seluruh warga di sini, juga di selatan dan utara, di timur dan barat, di Sarawak dan Sabah, saya doakan semoga tuan-puan serta keluarga, dilimpahi rahmat Maha Pencipta, terpelihara daripada fitnah dan musibah, serta sentiasa merasa nikmat Allah SWT.

Semoga warga universiti tercinta, dikurnia Tuhan hati yang tenang, minda yang terang, dipupuk semangat juang, demi memperkasa anak bangsa, demi mengangkat maruah negara, demi tautan ukhuwah ummah.

Semoga warga dipermudah urusan, disemat rasa hormat dan kasih sayang sesama insan, semoga terpahat di jiwa, bekerja sebagai satu pasukan, tidak kira apa pun jawatan, tidak kira apa pun anutan. Semoga tuan-puan sekalian, terus terarah kepada kebaikan, demi kelangsungan UiTM yang cemerlang dan gemilang.

Hadirin yang dihormati sekalian


Pada hari ini juga, terdapat enam dokumen yang akan dilancarkan iaitu:

1. Pelan Pemantapan Akademik 2014-2015
2. Tadbir Urus Pengoperasian Akademik UiTM
3. Struktur Tadbir Urus Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
4. Perancangan Sumber Manusia UiTM 2013 - 2015
5. Dasar Laman Sesawang Universiti Edisi 2014
6. Citra Kita

Dan juga

7. Pelancaran Laman Sesawang UiTM Baharu

Semoga dengan terbitnya dokumen-dokumen ini kita semua dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kita.



Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.





UiTM Sentiasa
Di ❤ Ku

Entrepreneurial
University | 2012 & 2013
Of The Year

Konsep, Rekabentuk & Terbitan:

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, BANGUNAN CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : +603-55442102 FAX: +603-55442086